



KEMENTERIAN PENDIDIKAN MALAYSIA
Jabatan Pendidikan Negeri Johor
Susur 7, Jalan Tun Abdul Razak
80604 Johor Bahru

Telefon
Perkhidmatan : 07-2311522
JPNJ Am : 07-2310000
Faks : 07-2384691
Laman web :
<http://jpn.moe.gov.my/jpnjohor>

Ruj. Kami : JPNJ.PKHD.100-13/5/1(19)
Tarikh : 01 Oktober 2019

**Semua Ketua Penolong Pengarah Kanan
Jabatan Pendidikan Negeri Johor**

**Semua Pegawai Pendidikan Daerah
Pejabat Pendidikan Daerah Negeri Johor**

Tuan,

**PERTANDINGAN ANUGERAH INOVASI TAHUN 2019
KATEGORI : ANUGERAH INOVASI PENGURUSAN PERKHIDMATAN**

Saya dengan segala hormatnya menarik perhatian tuan mengenai perkara di atas.

2. Sebagaimana pihak tuan sedia maklum, sambutan Hari Inovasi oleh semua Agensi Perkhidmatan Awam telah ditetapkan pada 31 Oktober setiap tahun, berdasarkan kepada surat edaran MAMPU.BIP.100-1/1(23) bertarikh 29 Januari 2010. Sejajar dengan itu, adalah dimaklumkan bahawa Sambutan Hari Inovasi peringkat Jabatan Pendidikan Negeri Johor bagi Tahun 2019 akan diadakan pada 07 November 2019, sebagai usaha ke arah peningkatan budaya inovasi di peringkat Jabatan, Daerah dan Sekolah.

3. Selaras dengan usaha tersebut, dimaklumkan bahawa beberapa Kategori Anugerah Inovasi telah diperkenalkan bertujuan untuk memberi pengiktirafan kepada semua pegawai/kakitangan di atas penghasilan produk inovasi yang menyumbang kepada peningkatan mutu penyampaian perkhidmatan. Justeru, adalah dimaklumkan bahawa Sektor Sumber Manusia, JPN Johor telah diberi tanggungjawab sebagai urusetia bagi **Kategori Anugerah Inovasi Pengurusan Perkhidmatan**.

4. Oleh itu, bersama-sama ini dipanjangkan sesalinan **Borang Penyertaan dan Syarat-Syarat Pertandingan** bagi kategori tersebut. Penyertaan terbuka kepada semua Pegawai/Kakitangan di Jabatan dan Pejabat Pendidikan Daerah (PPD) dan **tarikh tutup**

permohonan adalah pada **17 Oktober 2019 (Khamis)**. Dipohon pihak tuan untuk membuat hebahan berhubung perkara ini kepada Pegawai/ Kakitangan di bawah seliaan masing-masing.

5. Sebarang pertanyaan berhubung perkara ini, bolehlah menghubungi **YM Raja Sri Mira Aidasari Binti Raja Hydar** di talian **011-10144797** atau emel ke mira.hydar@moe.gov.my . Segala kerjasama dan perhatian pihak tuan berhubung perkara ini amat dihargai dan didahului dengan ucapan ribuan terima kasih.

Sekian.

“BERKHIDMAT UNTUK NEGARA”

Saya yang menjalankan amanah,



(HAJI AZMAN BIN ADNAN)

Pengarah Pendidikan Negeri Johor
Jabatan Pendidikan Negeri Johor

s.k:

1. Ketua Penolong Pengarah Kanan, Sektor Sumber Manusia

SENARAI EDARAN :

PERTANDINGAN ANUGERAH INOVASI TAHUN 2019

BIL	EDARAN
1	Pejabat Pengarah Pendidikan Negeri Johor
2	Sektor Perancangan & Pengurusan PPD
3	Sektor Pembelajaran
4	Sektor Pengurusan Sekolah
5	Sektor Pembangunan Murid
6	Sektor Pendidikan Islam
7	Sektor Pendidikan Khas
8	Sektor Sumber Teknologi Pendidikan
9	Sektor Pentaksiran & Peperiksaan
10	Sektor Pengurusan Maklumat
11	Sektor Sumber Manusia
12	Sektor Infrastruktur & Perolehan
13	Sektor Pengurusan
14	Sektor Psikologi & Kaunseling
15	Sektor Integriti